

**Mungkin sepenggal tidak mencukupi untuk laksana sebahagian 10 janji - Tun Mahathir**  
**Astro Awani**  
**16 Ogos 2018**  
**Firdaus Azil, Astro Awani**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui adalah mustahil untuk memenuhi 10 Janji 100 Hari seperti mana ditawarkan Manifesto Pakatan Harapan (PH) pada pilihan raya umum lepas.

Namun, beliau berkata, manifesto itu ditulis sebelum mereka berjaya mengambil alih Kerajaan Persekutuan, tanpa menyedari kedudukan fiskal negara yang agak meruncing.

“Kemungkinan tempoh sepenggal juga tidak mencukupi. Tetapi kebanyakan janji manifesto akan dipenuhi dalam tempoh berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan hospital Cardiac Vascular Sentral, di sini hari ini.

Ujarnya lagi, apa yang mampu kerajaan lakukan ialah memulakan proses bagi memenuhi segala janji yang ditawarkan.

**2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.**

**(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mungkin-sepenggal-tidak-mencukupi-untuk-laksana-sebahagian-10-janji-tun-mahathir-183141>